

# Harga minyak tak akan naik lagi

## Subsidi kpd syarikat2 utk elakkan kenaikan

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Kerajaan hari ini memberi jaminan bahawa harga minyak tidak akan dinaikkan lagi dari paras harga sekarang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan di Dewan Negara, harga minyak tidak akan dinaikkan lagi walaupun harga bahan mentahnya terus naik.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata, Kerajaan terpaksa menaikkan subsidi kepada syarikat-syarikat minyak untuk mengelakkan kenaikan harga bahan itu.

Bellau memberi jaminan ini ketika menjawab soalan tambahan Senator Datuk Haji Ahmad Arshad yang bertanya sama ada Kerajaan sedia menimbang menaikkan harga minyak ke paras yang lebih tinggi seperti yang ditakutkan di Singapura.

Katanya, Kerajaan tidak dapat berbuat demikian kerana Malaysia sebuah negara pengeluar minyak sedangkan Singapura mengimport bahan itu untuk keperluanannya.

Bellau menjelaskan, Kerajaan berpendapat, kalau harga minyak terus meningkat dimana terdapat perbezaan harga yang diulsi dengan yang dinaikkan, Kerajaan akan membayarnya dengan subsidi.

"Kita tidak akan menaikkan lagi harga minyak, kalaupun harga bahan mentahnya terus naik. Kita akan menaikkan subsidi kepada syarikat-syarikat minyak," katanya.

Kepada soalan asal dari Senator Chua Ching Cheng, Timbalan Perdana Menteri berkata, pengeluaran minyak mentah negara dalam tahun 1978 berjumlah 79.1 juta tong (10.4 juta metrik tan).

Katanya lagi, jumlah keperluan minyak mentah negara yang diproses oleh kilang-kilang penapis minyak tahun lalu untuk kegunaan dalam negeri sebanyak 40.7 juta tong (5.5 juta metrik tan).

Menurut bellau, minyak mentah yang diimport dan ditapis di kilang penapis tempatan tahun lalu ialah 30.7 juta tong (4.2 juta metrik tan).

M a n a k a j i a pengeluaran minyak dalam negeri yang dieksport dalam tahun 1978 ialah 69 juta tong (9 juta metrik tan).

### Contoh

Kepada soalan tambahan Senator Raja Datuk Nong Chik, Timbalan Perdana Menteri menyatakan, Malaysia belum boleh menjadi ahli OPEC kerana jumlah pengeluaran minyaknya masih rendah.

Menurutnya, negara-negara yang menjadi ahli OPEC terdiri dari negara-negara pengeluar minyak lebih 1 juta tong sehari.

Bellau memberi contoh, Arab Saudi mengularkan 6 juta tong sehari dan Iran 6 juta tong.

Kita cuma mengeluarkan 240,000 tong sehari. Kita masih kecil dan tak boleh masuk lagi menjadi ahli OPEC," katanya.

Bagaimanapun, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir, Malaysia mengikuti harga yang ditetapkan oleh OPEC.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia